

27 June, 2023 – Berita Harian

Fajarbaru, PDC bangun bandar perubatan Batu Kawan



Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Fajarbaru, Datuk Seri Eric Kuan Khian Leng (kanan) bertukar dokumen dengan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, Datuk Aziz Bakar selepas menandatangani hari ini.

KUALA LUMPUR: Fajarbaru Builder Group Bhd hari ini mengumumkan pemeteraihan memorandum persefahaman (MoU) dengan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) untuk membangunkan sebuah bandar perubatan dan hab pembangunan bercampur di Bandar Cassia, Batu Kawan, Seberang Perai Selatan.

Syarikat dalam satu kenyataan berkata, secara tentatif dinamakan 'Medi-City Bandar Cassia,' pembangunan yang dicadangkan itu terletak di atas sebidang tanah seluas 230 ekar. Antara perkara yang utama lain, Fajarbaru juga telah bersetuju untuk menggariskan model perniagaan, garis masa pembangunan, keperluan pembiayaan dan unjuran nilai pembangunan kasar pembangunan.

Sebagai sebahagian daripada MOU, Fajarbaru akan bekerjasama dengan perunding profesional dan pakar industri untuk menjalankan kajian pasaran dan kajian daya maju, membangunkan cadangan mengenai aspek teknikal dan kewangan untuk keseluruhan pembangunan.

MOU itu akan kekal berkuat kuasa selama enam bulan dari tarikh perjanjian, atau sehingga pemeteraian perjanjian muktamad antara Fajarbaru dan PDC. Fajarbaru boleh meminta pelanjutan MOU untuk tiga bulan lagi, tertakluk kepada kelulusan PDC.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Fajarbaru, Datuk Seri Eric Kuan Khian Leng, berkata pihaknya berbesar hati diberi peluang untuk bekerjasama dengan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dalam pembangunan utama ini.

"Bandar perubatan ini bakal mewakili satu peristiwa penting dalam evolusi penjagaan kesihatan dan teknologi, menghimpunkan minda yang cemerlang, infrastruktur terkini dan ekosistem yang kondusif untuk penyelidikan dan pembangunan.

"Apabila siap, Medi-City Bandar Cassia akan berfungsi sebagai hab perubatan yang menyediakan perkhidmatan eko-pelancongan dan perniagaan global dengan kemudahan termasuk hospital, kampus perubatan, hab bekalan perubatan, suite korporat, pusat pemulihan, perkampungan persaraan, pusat kesihatan dan sebagainya," katanya dalam kenyataan berkenaan.

Beliau menambah, matlamat kumpulan adalah untuk membangunkan bandar perubatan yang berintegrasi ke dalam komuniti, menyumbang kepada kesihatan, kesejahteraan dan ekonomi masyarakat sekeliling, di samping menarik pelancong perubatan dari seluruh dunia.

"Akhirnya, kami berhasrat untuk mempromosikan Pulau Pinang sebagai hab perubatan serantau dan global, melalui Medi-City Bandar Cassia.

"Cadangan kami juga termasuk elemen bukan perubatan, runcit, hotel, kediaman, hab komersial, komponen rekreasi dan sistem pengangkutan bersepadu. Dari segi infrastruktur pengangkutan, kami akan dapat memanfaatkan pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang, serta sistem infrastruktur yang dibina sebagai sebahagian daripada pembangunan Medi-City Bandar Cassia.

"Kami percaya kami telah merumuskan cadangan yang sangat strategik dan komprehensif yang akan meningkatkan lagi nilai tanah di Bandar Cassia," katanya.

Menurutnya lagi, cadangan itu akan mewujudkan pelbagai jalan untuk pendapatan berulang jangka panjang untuk PDC, dan seterusnya, Negeri Pulau Pinang.

"Kita boleh menjangkakan sejumlah besar peluang pekerjaan akan diwujudkan, dengan kesan positif terhadap KDNK Pulau Pinang.

"Saya percaya projek ini akan membantu mengubah Pulau Pinang menjadi bandar antarabangsa, selaras dengan visi Kerajaan Negeri untuk masa depan Pulau Pinang."

"Pembangunan Medi-City Bandar Cassia akan memacu pertumbuhan ekonomi dan mewujudkan peluang pekerjaan, meningkatkan ekonomi tempatan dan meletakkan Pulau Pinang sebagai peneraju serantau dan antarabangsa dalam sektor penjagaan kesihatan dan teknologi," katanya.

Tambahan pula, penubuhan kemudahan penyelidikan perubatan dan institusi pendidikan akan memacu inovasi dan keusahawanan, menarik pelaburan dan memupuk ekosistem yang bertenaga.

Selaras dengan agenda kerajaan untuk menggalakkan pembangunan mampan, Medi-City Bandar Cassia akan direka bentuk untuk meminimumkan kesan alam sekitar. Daripada bangunan hijau kepada penyepadan sumber tenaga boleh diperbaharui, Medi-City Bandar Cassia akan berinspirasi untuk memiliki persekitaran pintar dan mesra alam yang merangkumi prinsip kemampunan.